

Headline	Teliti maklum balas nyahwarta HSKLU		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	07 Oct 2020	Color	Black/white
Section	News	Circulation	250,000
Page No	4	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	169 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,664
Frequency	Weekly	PR Value	RM 4,992



Teliti maklum balas nyahwarta HSKLU

KUALA LANGAT - Kerajaan Negeri menerima pelbagai maklum balas berhubung cadangan menyahwarta Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) yang diumumkan pada Februari lalu.

EXCO alam sekitar berkata maklum balas itu diterima hingga Mac yang meliputi tiga isu utama iaitu alam sekitar, kesan biogeografi flora fauna dan sumber sosio-ekonomi.

Menurut Hee Loy Sian, sebanyak 11,953 mak-

lum balas diterima melalui e-mel dan 3,895 lagi daripada orang perseorangan. Manakala 29,443 sokongan melalui petisyen bantahan dalam talian di portal Change.org.

"Selain orang perseorangan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Institut Arkitek Landskap Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia turut mengemukakan bantahan.

"Sementara peringkat komuniti pula melibatkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Orang Asli Bukit Cheeding, MPKK Orang Asli Busut Baru, MPKK Kampung Jenjarom dan Persatuan Penduduk Saujana Pu-

tra," katanya pada 28 September.

Terdahulu, beliau menghadiri Sesi Pendengaran Awam Cadangan Pemanduan Hutan Simpan Kuala Langat, Mukim Tanjung Dua Belas di Amverton Resort Pulau Carey.

Katanya, hari pertama sesi itu melibatkan bantahan individu dan hari kedua pula badan bukan kerajaan (NGO), jabatan kerajaan serta agensi swasta.

"Orang ramai perlu tahu, sesi pendengaran awam ini bukan tempat kita membuat keputusan sebaliknya medan untuk kita mendengar pandangan luar. Kesemua bantahan akan diperhalusi sehingga ke Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri," katanya.